



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (14)  
Tarikh : 23 Jun 2022

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab**

Y. Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan / Puan

**SURAT EDARAN JANM KEDAH BIL.6 TAHUN 2022**

**SEMAKAN STATUS AKAUN PUKAL BAGI AGENSI PUKAL UTILITI MELALUI SISTEM BAYARAN PUKAL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan usaha mengukuhkan proses pembayaran dan memastikan ketepatan bayaran Kerajaan, bayaran secara pukal kepada agensi melalui Sistem Bayaran Pukal hendaklah sentiasa disemak oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).
3. Sehubungan dengan itu, semua PTJ adalah diminta untuk **menjana Laporan Akaun Pukal yang Dipertanggungkan dan Laporan Bulanan Pembayaran Pukal di Portal iGFMAS** secara berkala untuk tujuan semakan dan pemantauan data akaun pukal. Semakan status akaun pukal dan tindakan PTJ adalah seperti berikut :

BIL	STATUS	TINDAKAN
a.	Akaun Pukal aktif, digunakan dan dibayar	Semak amaun bayaran di bil/invois asal dengan amaun bayaran pukal didalam sistem
b.	Akaun Pukal aktif, tidak digunakan dan masih dibayar	- Batalkan akaun pukal melalui sistem iGFMAS - Tamatkan akaun dengan agensi
c.	Akaun Pukal tidak aktif tetapi tidak ditamatkan	- Batalkan akaun pukal melalui sistem iGFMAS - Tamatkan akaun dengan agensi
d.	Akaun Utiliti digunakan, tetapi belum dipukalkan	Daftar akaun pukal melalui sistem iGFMAS

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, Y. Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan / Puan bolehlah berhubung terus dengan Unit Pengurusan Dana melalui panggilan telefon atau emel ke [dana\\_kdh@anm.gov.my](mailto:dana_kdh@anm.gov.my)

5. Kerjasama dan komitmen semua Jabatan dan PTJ berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



**ARSHAD BIN ABDUL RAHMAN C.A.(M)**

Ketua Seksyen Operasi

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Kedah Darul Aman